

Najib perlu pilih bela Sondakh atau peneroka FELDA

BH - 21/11/2019 m/s: 10



Peneroka FELDA sekali lagi menjadi sasaran kempen pilihan raya. Kali ini giliran FELDA Sungai Koyan yang sebahagiannya termasuk dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands yang berdepan dengan pilihan raya kecil, Sabtu ini.

Ramai ahli politik yang mahu menggelar diri mereka sebagai pembela warga peneroka, turun padang mendampingi kumpulan pengundi yang penting ini. Tidak ketinggalan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Najib yang kini juga berstatus Orang Kena Tuduh (OKT) dalam beberapa kes rasuah dan pengubahan wang haram, muncul minggu lalu di FELDA Sungai Koyan, mengingatkan peneroka mengenai zaman kegemilangan dinikmati mereka.

Katanya, ketika era pemerintahan Barisan Nasional, termasuk ketika beliau menjadi PM, peneroka meraih pendapatan tinggi, menikmati pinjaman tanpa faedah, bonus raya, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan sebagainya.

Najib mendakwa semua ini tidak dapat dinikmati di bawah kerajaan Pakatan Harapan yang menurutnya, tidak membantu menaikkan harga minyak sawit. Itu kata Najib, tetapi apakah sebenarnya berlaku kepada FELDA ketika Najib memerintah?

Semua ini bukan rahsia, tetapi mudah diselongkar daripada rekod awam seperti keratan akhbar. Secara latar belakang, sebelum 2012, FELDA ialah entiti kerajaan yang berupaya membiayai aktiviti sendiri.

FELDA berupaya berbuat demikian kerana ia memiliki *cash-cow* bergelar FELDA Global Ventures Holdings (FGVH). Unit perladangan ini menyumbang kira-kira RM1.1 bilion kepada FELDA setiap tahun.

Daripada jumlah ini, FELDA mampu mengusahakan aktiviti sosioekonomi dan kebajikan kepada lebih 110,000 peneroka. Antaranya seperti bina rumah, bina jalan, beri biasiswa, beri bantuan, beri

pinjaman, bayar bonus, beri duit raya dan sebagainya. Semuanya tanpa memerlukan dana kerajaan.

Hilang punca pendapatan

Pada 2012, *cash-cow* itu disenaraikan di bursa saham - satu idea disokong Najib yang ketika itu menggelarkan langkah berkenaan sebagai *game-changer* atau pengubah nasib. Akibat penyenaian itu, FELDA kehilangan punca pendapatan lumayan.

Sebagai ganti, FELDA dijamin bayaran RM250 juta setahun dan 15 peratus keuntungan perladangan FGV melalui perjanjian pajak tanah ditandatangani FELDA dengan syarikat senaraian awam berkenaan.

Selain itu, FELDA dibayar bonus khas RM9 bilion oleh FGV, sebagai dana operasi dan modal untuk mencari *cash-cow* baharu. FELDA dan sekutunya turut memegang kepentingan ketara dalam FGV.

Apa terjadi selepas episod penyenaian FGV? Harga saham syarikat itu merosot, keuntungannya tidak pula memberangsangkan berikutan kejatuhan harga minyak sawit dunia. FELDA pun terkesan kerana tidak dapat sumbangan pendapatan sewajarnya daripada FGV menerusi perkongsian keuntungan.

Amat jelas hakisan pendapatan FELDA ini bermula ketika Najib menjadi PM. Apa yang lebih memburukkan, sebahagian besar RM9 bilion bonus khas diterima FELDA tidak dilabur untuk melahirkan *cash-cow* baharu untuk lembaga itu.

Malah, beberapa pelaburan yang dibuat oleh unit pelaburan FELDA kini dalam siasatan kerana disyaki ada penyelewengan.

Najib tidak boleh lepas tangan dengan apa yang berlaku dalam FELDA ketika itu kerana pengerusi dan seluruh anggota lembaga FELDA sebelum ini dilantik dengan pembabitan beliau. Jika pincang tindakan lembaga pengarah sebelum ini, pincanglah juga keputusan Najib melantik mereka.

Rentetan merosotnya prestasi FGV dan pelaburan baharu FELDA yang tidak mendatangkan pulangan tunai segera, arus tunai FELDA mula terjejas. FELDA mula terpaksa berhutang untuk melaksanakan program sosioekonomi dan kebajikan untuk peneroka.

FELDA masih boleh terselamat daripada janji niaga merugikan itu jika pengurusan baharu dapat membuktikan lembaga itu memasukinya secara dipaksa